

NO. SOALAN: 483

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB
LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO

TARIKH :

RUJUKAN : 10438

SOALAN :

**Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :**

(a) adakah pemberi maklumat (*whistle-blower*) berhubung aktiviti pemerdagangan manusia yang melibatkan pelajar asing, akan diberikan perlindungan mahkamah ; dan

(b) berapakah dan apakah agensi pengajian tinggi yang disenarai hitam oleh KDN dalam usaha membanteras pemerdagangan pelajar asing di Malaysia.

JAWAPAN:

(a) Seksyen 2, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] mentafsirkan “pemberi maklumat” atau *whistle-blower* sebagai mana-mana orang yang membuat pendedahan kelakuan tidak wajar kepada agensi penguatkuasaan. Dalam hal ini, pelajar asing yang mendedahkan kelakuan tidak wajar kepada agensi penguatkuasaan termasuk dalam kategori pemberi maklumat yang layak untuk memohon perlindungan di bawah Akta 711.

Perlindungan pemberi maklumat di bawah Akta 711 adalah termasuk perlindungan maklumat sulit, kekebalan terhadap tindakan sivil dan jenayah serta perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan. Seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 8(2) Akta 711, maklumat sulit tidak boleh didedahkan atau diperintahkan atau dikehendaki supaya didedahkan dalam mana-mana prosiding sivil, jenayah atau prosiding lain dalam mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa lain.

Subseksyen 8(3) Akta 711, juga memperuntukkan maklumat pemberi maklumat hendaklah disembunyikan daripada pandangan atau dipadamkan dalam sebarang dokumen di mana-mana prosiding berkaitan setakat yang perlu untuk melindungi pemberi maklumat itu daripada diketahui, tetapi tidak lebih daripada itu. Justeru, perlindungan saksi adalah terpakai kepada mana-mana individu pemberi maklumat termasuk dalam isu pemerdagangan orang.

(b) Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Pendidikan Tinggi tidak menyenaraihitamkan mana-mana institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) bagi isu pemerdagangan pelajar asing di Malaysia.